

Agensi kerajaan masih tak cekap

PM tegur prosedur rumit, guna terlalu banyak borang

Oleh Kadir Dikoh dan Mohd Feroz Abu Bakar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegur jabatan dan agensi kerajaan yang masih mengenakan prosedur terlalu rumit termasuk penggunaan pelbagai borang bagi sesuatu permohonan hingga menyulitkan orang ramai.

Perdana Menteri berkata, amalan itu perlu diubah terutama komputer kini digunakan secara meluas, malah sesetengahnya tanpa menggunakan kertas atau kurang penggunaan kertas dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

"Jika nak luluskan sesuatu, apakah pelanggan kita iaitu orang ramai perlu empat atau lima muka surat borang. Apakah pula banyak bahagian yang perlu dirujuk sebelum ia mula dilaksanakan," katanya pada majlis sambutan Hari Kualiti 2005 Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di sini.

Tanpa merujuk mana-mana jabatan atau agensi terbabit, beliau berkata, penggunaan komputer turut menjimatkan kos termasuk bagi orang ramai yang tidak perlu berurusan di kaunter kerana boleh memuat turun borang permohonan.

Tinjauan *Berita Harian* mendapati pada masa ini, pemilik kenderaan yang ingin menukar hak milik, misalnya, perlu mengemukakan seku-

“ Semua ini perlu dipendekkan. Sekarang kita sudah gunakan komputer dan bukan lagi mesin taip. Ini semua membantu mempercepatkan kerja”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

rang-kurangnya tujuh dokumen untuk diproses Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Dokumen berkenaan ialah Sijil/Perakuan Pendaftaran Asal (JPJK2) yang asal dan salinan; borang JPJ K3 (dua salinan); salinan kad pengenalan bagi pemilik berdaftar/pembeli/saksi/perakuan pendafatar perniagaan syarikat (Borang 9,44 dan 49); Sijil/Nota Pelindungan Insurans Pemilik baru.

Notis penarikan balik tuntutan hak milik (pemilik berdaftar dan notis tuntutan hak milik (pemilik baru)

Agensi diarah pantau projek

DARI MUKA 1

jika berkaitan; laporan pemeriksaan kenderaan (B2) asal (untuk kenderaan import) dan Lesen Kenderaan Perdagangan (cukai jalan) asal serta salinan bagi pemilik baru.

Dalam sidang akhbaranya pula, Abdullah mengarahkan semua jabatan dan agensi kerajaan memantau rapi pelaksanaan sesuatu projek selepas tender dikeluarkan, bukan 'lepas tangan' yang akhirnya menyebabkan projek terbengkalai sehingga kerajaan kerugian berjuta-juta ringgit.

Katanya, pemantauan mesti dilakukan pada peringkat awal lagi supaya sebarang masalah boleh ditangani segera, bukan menunggu sehingga pertengahan jalan atau selepas banyak wang dibelanjakan.

Perdana Menteri juga mahu kontraktor bertanggungjawab penuh apabila memperoleh sesuatu projek dan tindakan akan diambil jika mereka gagal menyiapkannya dalam tempoh ditetapkan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan diminta mengulas laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris berhubung siasatan polis terhadap 11 pemaju yang menyebabkan 12 projek perumahan polis bernilai RM500 juta, terbengkalai atau terlewat.

Siasatan dilakukan bagi mengenal pasti kemungkinan berlaku penyelewengan dalam pelaksanaan projek berkenaan yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) di Perak, Johor, Kedah, Pahang, Terengganu, Sabah dan Selangor.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri mengarahkan polis bertindak cepat supaya projek dapat diteruskan bagi mengelak kemungkinan timbul masalah pembinaan projek sama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Katanya, tindakan undang-undang mesti dikenakan terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan projek mengikut spesifikasi.

Katanya, sebarang projek terbengkalai akan menyebabkan pembaziran kerana kosnya akan naik apabila pemuliharaan dilakukan.